

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PEMBINAAN LESTARI
KOD KURSUS : BNP 20703
PROGRAM : 2 BNB
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014
MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

S1 Pembinaan lestari merupakan subset kepada pembangunan lestari. Konsep kelestarian mesti digunakan di dalam industri pembinaan untuk mempengaruhi cara di mana projek yang akan dijalankan untuk mengimbangi antara memelihara persekitaran dan mengekalkan kemakmuran pembangunan.


- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan prinsip lestari dalam pembinaan (10 markah)
- (b) Jelaskan **Tiga (3)** kebaikan pembinaan lestari dalam kehidupan moden (6 markah)
- (c) Senaraikan **Empat (4)** contoh pembinaan lestari di Malaysia (4 markah)

S2 Tan Sri Dr Ishak Baba baharu sahaja dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau merancang untuk membina sebuah banglo 3 tingkat di Pagoh. Beliau telah mengupah Ar. Ashraf dari Arkitek Indah Khabar untuk menyediakan lukisan seni bina banglo mewahnya yang bercirikan teknologi moden. Dalam masa yang sama, Ir. Kamaruzaman Musa telah dilantik untuk menyediakan lukisan awam dan struktur. Melalui rundingan terus, Dato Azman Jaafar yang juga Pengarah Urusan Bina Runtuh Sdn. Bhd telah dianugerahkan kontrak untuk membina banglo. Puan Hajah Khazanah yang mempunyai 20 tahun pengalaman dalam industri pembinaan telah dilantik sebagai Jurutera Projek dan beliau telah melantik Engr. Luthfi sebagai Jurutera Tapak untuk pemasangan perkhidmatan bangunan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan yang berikut;

- (a) Dengan bantuan lakaran, jelaskan hubungan antara pasukan pembinaan dalam projek pembinaan banglo mewah di atas. (8 markah)
- (b) Sebagai Jurutera Projek, Puan Hajah Khazanah juga bertanggungjawab untuk pembinaan struktur bangunan. Terangkan secara ringkas kerja yang terlibat dalam kitaran pembinaan struktur bangunan. (6 markah)
- (c) Berdasarkan pemahaman anda daripada situasi di atas, nyatakan **Tiga (3)** tugas-tugas penting Engr. Luthfi sebagai Jurutera Tapak bagi projek tersebut. (6 markah)

- S3 (a) Dengan ilustrasi yang sesuai, terangkan pembinaan asas pad selepas kerja tanah telah dilakukan. (10 markah)
- (b) Terangkan secara ringkas perbezaan di antara asas dalam dan asas cetek. (10 markah)
- S4 (a) Bincangkan mengenai sistem struktur kerangka (rasuk dan tiang) yang merupakan sistem pembinaan paling banyak digunakan di negara kita. (10 markah)
- (b) Sebagai seorang Teknologis Perkhidmatan Bangunan, jelaskan berserta lakaran bagaimanakah anda harus mengintegrasikan elemen-elemen perkhidmatan bangunan dengan struktur bangunan pada peringkat permulaan merekabentuk sesuatu bangunan tinggi? (10 markah)
- S5 (a) Berikan **Dua (2)** kelebihan dan kelemahan kaedah laluan kritikal? (5 markah)



Berdasarkan gambarajah laluan kritikal di atas, dapatkan:

- i) Jumlah laluan yang ada (2 markah)
- ii) Panjang setiap laluan (2 markah)
- iii) Laluan kritikal (1 markah)
- iv) Masa mula awal (5 markah)
- v) Masa akhir (5 markah)

-SOALAN TAMAT-